



Rekod pesakit di HKL akan dibuat secara digital

Oleh Fahmy A Rosli - Mac 17, 2023 @ 6:15pm
fahmy.azril@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mempertimbang peruntukan khas untuk membangunkan sistem pendigitalan rekod pesakit di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Kemudahan kesihatan itu yang usianya mencecah 153 tahun, sehingga kini menguruskan dokumen pesakit secara manual, membabitkan 'pergerakan' keluar masuk hampir 16,000 rekod sehari.

Menyatakan perkembangan ini, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata langkah untuk membangunkan sistem sedemikian dapat membantu HKL menguruskan dokumentasi pesakit dengan lebih lancar dan berkesan.

"Kita sudah dengar tadi, betapa HKL ini kalau sebenarnya kita dapat pendigitalan (rekod pesakit) itu, sangat membantu."

"Insya-Allah, kita akan memberikan peruntukan khas pendigitalan di HKL," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Buku Coffee Table COVID-19 HKL di HKL, hari ini.

Turut hadir, Pengarah HKL, Datin Paduka Dr Rohana Johan.

Terdahulu, Dr Zaliha mendengar taklimat daripada Dr Rohana berhubung situasi di HKL, termasuk pengurusan pesakit secara manual.

Dalam taklimatnya, Dr Rohana berharap langkah pendigitalan sistem di HKL dapat dilaksanakan segera, terutama dalam pengurusan rekod pesakit di hospital itu.

"Wisma Kayu ini menempatkan rekod pesakit. Di HKL pada satu hari, kita boleh melihat hampir 16,000 rekod pesakit bergerak."

"Saya berharap sebagai pengarah, sebelum saya bersara, rekod pesakit di hospital ini didigitalkan. Kalau tidak semua, separuh supaya kita tidak perlu lagi membawa rekod pesakit secara manual," katanya.

Isu lain dibangkitkan Dr Rohana adalah keadaan kenderaan HKL dan pengurusan katil di hospital itu.

"Semua kenderaan kita jaga dengan baik. Bagaimanapun, daripada 60 kenderaan, lebih kurang tiga suku daripadanya telah 'menopaus'. Hanya dua tiga (kenderaan) masih lagi 'remaja' atau anak dara," katanya.

Selain itu, beliau berkata, isu kesesakan di Lembah Klang juga boleh mempengaruhi pengurusan katil di HKL.

Jelasnya, ada waris pesakit terpaksa datang selepas waktu bekerja untuk menghindar kesesakan lalu lintas semata-mata untuk mengambil pesakit di HKL dan keadaan itu mengganggu ketersediaan katil di fasiliti berkenaan.

"Bagi pengurusan katil, unit kejururawatan telah diberikan autoriti penuh bagi memastikan kita mendapatkan katil secepat mungkin."

"Kita tahu warga kota bukan senang untuk balik (rumah). Kadang-kadang keluar jam 12 tengah hari, tetapi tidak dapat ambil anak-anak."

"Mereka hanya dapat (ambil pesakit) lepas waktu bekerja. Jadi, katil tidak kosong. Itu satu fenomena di Lembah Klang," katanya.

Pada majlis itu, Dr Zaliha turut mengumumkan peruntukan lebih RM1 juta bagi tujuan penambahbaikan aset di HKL.